

30/09/2002

Arafat tidak diberi layanan adil: Dr Mahathir

SUBANG, Ahad - Nasib yang menimpa Presiden Palestin, Yasser Arafat, menunjukkan bahawa sudah tidak ada lagi keadilan di dunia kerana apa saja boleh dilakukan terhadap orang yang tidak disukai, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dalam kes Arafat ini, nampaknya dia dibenci oleh pihak tertentu. Dengan itu dia tidak menerima layanan adil kerana keadilan sudah tidak ada lagi dalam dunia ini.

"Semua yang diucapkan mengenai keadilan, hak asasi dan demokrasi adalah karut dan hipokrasi semata-mata," katanya pada sidang akhbar sekembalinya dari menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) Keempat di Copenhagen, Denmark serta lawatan peribadi ke Eropah, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya mengenai rayuan Arafat yang menghubungi beliau sebelum ini untuk mendapatkan bantuan ketika rejim Yahudi menyerang dan mengepung ibu pejabat pemimpin Palestin itu di Ramallah.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah mengutus surat kepada Presiden Amerika Syarikat, George W Bush; Presiden Perancis, Jacques Chirac dan Canselor Jerman, Gerhard Schroeder untuk meminta sokongan mereka menghentikan kepungan terhadap Arafat.

"Saya juga sudah berjumpa dan berbincang panjang lebar dengan Chirac mengenai masalah itu. Pada tanggapan saya, dalam dunia sekarang ini sudah tidak ada keadilan.

"Buat masa sekarang, dunia ini bukanlah tempat yang elok untuk didiami. Semua cakap-cakap mengenai demokrasi cuma propaganda semata-mata. Tiada lagi demokrasi di dunia ini, tidak juga di negara yang kononnya demokratik.

"Semua yang diucapkan mengenai keadilan, hak asasi dan demokrasi adalah pembohongan belaka. Cakap sajalah. Kalau kita tak disukai, maka apa saja boleh berlaku," katanya.

Sebenarnya, kata Perdana Menteri, dalam soal demokrasi, Malaysia lebih demokratik berbanding kebanyakan negara demokratik di dunia ini.

Beliau juga menganggap tindakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menggesa Amerika Syarikat memberi tekanan kepada Israel supaya menghentikan kepungan terhadap Yasser Arafat, sebagai tidak memberi sebarang kesan.

"Tanggungjawab perlu dilaksanakan (oleh PBB). Sama ada ia berkesan atau tidak... saya rasa ia tidak memberi kesan setakat ini. Itu saja," katanya.

Mengenai satu kajian asing bahawa Malaysia tidak lagi berada dalam senarai 25 negara teratas bagi pelaburan langsung asing (FDI) setelah menduduki tempat ke-22 sebelum ini, Perdana Menteri berkata, sebab itu Bajet 2003 menekankan mengenai pentingnya ekonomi dijana daripada sumber domestik.

Mengulas dakwaan bahawa ketidakpastian mengenai peralihan kepemimpinan, kebimbangan terhadap pengganas dan hubungan yang kompleks antara politik serta perniagaan antara punca yang telah menjejaskan kedudukan Malaysia dari segi FDI, Dr Mahathir berkata:

"Kita tak perlu peduli apa dia (kajian asing) nak kata. Itu dia punya hak."